

Siasat siapa dalang perlombongan haram

KUALA LUMPUR 7 Jan. - Penahanan empat pegawai penguat kuasa Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri Pahang oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menerima rasuah daripada pelombong bauksit haram adalah satu tindakan yang harus dipuji.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), **Henry Goh** berkata, kementerian dan penguat kuasa perlu mengambil tindakan dan menyiasat dalang di sebalik perlombongan haram yang tidak terkawal itu secepat mungkin.

Menurut beliau, aktiviti bauksit yang melampau tanpa kawalan berupaya memberi impak besar kepada alam sekitar dan juga ekosistem masyarakat tempatan pada masa hadapan jika tiada pemantauan.

“Sudah sampai masanya SPRM menjalankan siasatan dan menahan mereka yang menyalahgunakan kuasa untuk mengaut keuntungan kerana isu ini telah mendapat perhatian media sejak sekian lama.

“Kita harap penahanan ini dapat memberi pengajaran supaya lebih banyak tindakan proaktif dijalankan pada peringkat awal sebelum terlambat,” katanya ketika dihubungi, di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan SPRM menahan empat penguat kuasa

PTG negeri Pahang kerana disyaki menerima rasuah daripada pelombong bauksit haram bernilai lebih RM100,000, semalam.

Keempat-empat suspek berumur 30 hingga 38 tahun ditahan di rumah masing-masing bersama wang suapan yang ditemukan di dalam sebuah mesin basuh di rumah seorang suspek yang merupakan pegawai kanan.

Sementara itu, Ketua Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia, **Prof. Dr. Ahmad Ismail** berkata, negara mempunyai peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan berkenaan dengan penjagaan alam sekitar.

Katanya, semua aktiviti yang melibatkan alam sekitar harus mendapat syarat kelulusan dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan agar kesan perlombongan terhadap alam sekitar dapat diminimumkan.

“Garis panduan bagi melakukan aktiviti perlombongan telah diberi kepada semua pelombong semasa mereka memohon untuk mendapatkan permit.

“Justeru, semua pihak perlu bertanggungjawab menjaga alam sekitar kerana alam sekitar yang rosak tidak akan pulih sepenuhnya seperti sediakala,” katanya.